SELVARANI VAITHILINGAM *a*

lwn.

RAMAKRISHNA MUTHALY

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR *b*
RAHMAH HUSSAIN H
[PETISYEN PERCERAIAN NO: S4-33-384-95]
22 OKTOBER 2001

UNDANG-UNDANG KELUARGA: *Perceraian - Petisyen - Permohonan pempetisyen isteri untuk relif sampingan - Persoalan nafkah - Akses responden suami terhadap anak-anak perkahwinan - Pembahagian hasil jualan kediaman suami-isteri yang sama rata - Peruntukkan setengah jumlah wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja KWSP suami kepada anak-anak - Tanggungan kos dalam petisyen dan permohonan - Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian), ss. 76(1), 92, 93* *c* *d*

UNDANG-UNDANG KELUARGA: *Harta suami-isteri - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja KWSP - Sama ada aset suami-isteri - Ching Seng Woah lwn. Lim Shook Lin - Leow Kooi Wah lwn. Philip Ng Kok Seng & Anor*

UNDANG-UNDANG KELUARGA: *Perceraian - Kos petition dan permohonan relif-relif sampingan - Sama ada ditanggung suami atau isteri - Mohan Singh v. Malkiyat Kaur* *e*

Di dalam petisyen perceraian, pempetisyen isteri memohonkan, di antara yang lain, relif sampingan seperti berikut: (1) bahawa responden memberikan nafkah sebanyak RM2,000 setiap bulan bagi kedua-dua anak perkahwinan; (2) responden diberikan akses kepada anak-anak tersebut sepertimana yang dinyatakan; (3) kediaman suami-isteri dijualkan dan hasil jualannya dibahagikan sama rata di antara kedua pihak masing-masing; dan (4) setengah jumlah wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ('KWSP') responden diperuntukkan kepada kedua-dua anak tersebut sehingga tarikh perintah sekiranya responden meninggal dunia sebelum mencapai umur 55 tahun. *f* *g*

Diputuskan:

[1] Responden telah gagal untuk membekalkan pemberitahuan yang penuh dan terus terang mengenai pendapatannya. Oleh itu, mahkamah adalah berhak untuk membuat suatu kesimpulan bertentangan daripada kegagalannya untuk berbuat demikian (*Shirley Koo lwn. Kenneth Mok Kong Chua* & ss. 92 dan 93 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian). (ms 227 h-i & 228 a-b) *h* *i*

[2] Dalam kes *Rose Kuok Kok Hiang lwn. David Kuok Khoon Hin*, ia telah dikatakan bahawa mahkamah mempunyai suatu "unfettered discretion to award what sum it considers just". (ms 228 e)

[3] Daripada fakta-fakta kes ini, mahkamah berpuashati bahawa rumah kediaman suami-isteri adalah aset yang diperolehi melalui usaha bersama kedua pihak tersebut di mana s. 76(1) Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan & Perceraian) 1976 boleh digunakan. Seksyen tersebut menyatakan bahawa mahkamah ada hak untuk memerintah pembahagian di antara pihak-pihak ke atas sebarang aset yang diperolehi mereka sepanjang perkahwinan melalui usaha bersama. Oleh yang demikian, mahkamah mengarahkan rumah kediaman suami-isteri dijual dan keuntungannya dibahagikan sama rata di antara kedua-dua pihak. (ms 229 c-e)

[4] Dalam kes *Ching Seng Woah lwn. Lim Shook Lin* dan *Leow Kooi Wah lwn. Philip Ng Kok Seng & Anor*, Mahkamah Rayuan telah mengenali wang KWSP sebagai aset suami-isteri. Dengan mengikut keputusan mahkamah tersebut, mahkamah ini membuat suatu perintah demi kebajikan masa hadapan kedua-dua anak tersebut bahawa setengah jumlah wang KWSP responden sehingga hari perintah dibuat, diberikan kepada kedua-dua anak tersebut sekiranya responden meninggal dunia sebelum mencapai umur 55 tahun. (ms 229 f)

[5] Dalam kes *Mohan Singh v. Malkiyat Kaur* jelasnya dinyatakan bahawa isteri tidak patut diperintahkan membayar kos walaupun beliau tidak menang. Di sini, pempetisyen menang dalam memperolehi perceraian yang diminta dan juga terpaksa datang ke mahkamah untuk mendapat relif sampingan mengenai jagaan, nafkah dan pembahagian harta. Lagipun responden berada di dalam kedudukan kewangan yang lebih baik daripada pempetisyen dan dengan itu patut membayar semua kos. (ms 229 h)

[Permohonan pempetisyen untuk relif sampingan dibenarkan.]

Kes-kes yang dirujuk:

Ching Seng Woah lwn. Lim Shook Lin [1997] 1 CLJ 375 ***(diikuti)***

Leow Kooi Wah lwn. Philip Ng Kok Seng & Anor [1997] 3 MLJ 133 ***(diikuti)***

Mohan Singh v. Malkiyat Kaur [1978] 2 MLJ 181 ***(diikuti)***

Rose Kuok Kok Hiang lwn. David Kuok Khoon Hin [1986] 2 CLJ 316; [1986] CLJ (Rep) 663 ***(dirujuk)***

Shirley Koo lwn. Kenneth Mok Kong Chua [1989] 2 MLJ 264 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:

Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976, ss. 76(1), 92, 93

Bagi pihak pempetisyen - YN Foo; T/n YN Foo & Partners

Bagi pihak responden - Cik Lakshmi; T/n Lakshmi Ganesh

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

PENGHAKIMAN

Rahmah Hussain H:

Pada 4 Februari 1999, permohonan pempetisyen untuk relif sampingan telah dibenarkan seperti berikut:

(1) Responden memberi nafkah kedua-dua anak perkahwinan sebanyak RM2,000 pada tiap-tiap 7hb mulai 7 Februari 1999 dan pempetisyen membuka akaun simpanan bagi pihak mereka dan menyimpan RM500 seorang tiap-tiap bulan.

(2) Responden diberi akses seperti di perenggan (2) – Lampiran (43).

(3) Bahawa rumah kediaman suami isteri di No. 1, Jalan 14/4A, Petaling Jaya dijual dalam tempoh satu tahun dan hasil jualan dibahagi sama-rata antara mereka.

(4) Baki wang simpanan dalam akaun bersama sebanyak RM4,000 dibahagi dua.

(5) Bahawa kedua-dua anak diberi 1/2 jumlah wang KWSP responden sehingga hari ini sekiranya responden meninggal dunia sebelum mencapai umur 55 tahun.

(6) Bahawa kos dalam petisyen perceraian dan permohonan di Lampiran (21) ditanggung oleh responden.

(7) Tunggakan nafkah sebanyak RM1,500 mulai tarikh petisyen difailkan iaitu pada 5 Jun 1995. Jumlah tunggakan dibayar secara ansuran sebanyak RM1,000 – sebulan mulai bulan Februari 1999.

Ringkasan latarbelakang kes ini adalah seperti berikut: Pempetisyen telah memfailkan petisyen perceraian pada 5 Jun 1995 dan mendapatkan perintah pembubaran perkahwinan pada 15 Oktober 1996. Isu-isu mengenai relif sampingan yang dipertikaikan ditangguhkan ke 10 Disember 1996, untuk perbicaraan. Walaubagaimanapun perbicaraan telah ditangguhkan beberapa kali sehingga pada 7 Mei 1997, apabila kedua-dua pihak telah bersetuju supaya hak penjagaan, pemeliharaan dan kawalan ke atas kedua-dua anak bernama Thilagan dan Darshan diberikan kepada pempetisyen. Kemudian pada 28 Mei 1998, pempetisyen telah memfailkan satu notis mengenai niat untuk meneruskan dengan permohonan di dalam petisyen untuk relif sampingan – Lampiran (43), untuk mendapatkan perintah seperti berikut:

(1) Bahawa responden memberikan nafkah sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000) bagi kedua-dua anak perkahwinan;

(2) Bahawa responden diberikan akses terhadap anak tersebut pada setiap selang hujung minggu dari hari Jumaat pukul 6 petang sehingga hari Ahad pukul 6 petang;

(3) Bahawa semua harta perkahwinan yang diperolehi selepas tarikh perkahwinan dijual dan hasil jualan dibahagi sama rata di antara pempetisyen dan responden;

(4) Bahawa kos dalam permohonan ini ditanggung oleh responden;

(5) Apa-apa perintah atau relif yang mahkamah ini fikirkan wajar dan adil.

Fakta kes ini seperti yang dinyatakan di dalam petisyen penceraian pempetisyen adalah seperti berikut: Pempetisyen dan responden telah berkahwin pada 31 Mac 1985. Hasil dari perkahwinan tersebut mereka telah dikurniakan dengan dua (2) orang anak. Anak yang pertama dilahirkan pada 17 Januari 1986 diberikan nama Thilagan a/l Ramakrishna dan anak yang kedua dilahirkan pada 5 Januari 1988 diberikan nama Darshan a/l Ramakrishna (selepas ini dirujuk sebagai anak-anak tersebut). (Sila lihat eks. "SV2" – Kandungan (1)). Perkahwinan mereka telah gagal dan tidak boleh dibaiki lagi. Kedua-dua anak mereka mengalami penyakit buah pinggang. Malah anak pertama telah kehilangan satu daripada dua buah pinggangnya. Pempetisyen bersendirian menguruskan kebajikan anak-anak tersebut.

Semasa mengendalikan permohonan untuk relif sampingan ini, saya telah mengarahkan kedua-dua peguam supaya menghantar hujahan bertulis mengenai isu-isu yang dipertikaikan untuk menjimat masa mahkamah. Setelah meneliti dan memberi pertimbangan sewajarnya kepada hujahan bertulis kedua-dua pihak dan keterangan afidavit yang dirujuk, seperti di Lampiran (25), (39) (46), (47), (48), (50) dan (51), saya telah membuat keputusan memihak kepada pempetisyen (isteri).

Dalam perkara ini saya berpendapat bahawa jumlah nafkah kedua-dua anak sebanyak RM2,000 adalah munasabah memandangkan kedua-duanya berpenyakit dan memerlukan perbelanjaan perubatan yang banyak. Lagipun mengikut perintah yang sama, pihak pempetisyen terpaksa menyimpan sebanyak RM500 bagi setiap anak tiap-tiap bulan untuk masa depan mereka. Ini bermakna pempetisyen hanya mendapat RM1,000 sahaja untuk penbelanjaan sebulan di campur dengan gaji bersihnya sebanyak RM2,367.47 menjadikan wang dalam tangannya hanya RM3,367.47.

Jika satu perbandingan dibuat terhadap perbelanjaan yang dipersetujui oleh responden dengan jumlah yang dibelanjakan oleh pempetisyen adalah jelas bahawa responden hanya mempertikaikan jumlah gaji pembantu rumah, bayaran

utiliti, telefon, petrol, letak kereta dan insuran. Untuk menyenangkan rujukan dibuat, diperturunkan di bawah ini senarai perbandingan yang disediakan oleh peguam pempetisyen

	Angka-angka Pempetisyen	**Pertengkaran Responden**
	(Perenggan 5 Lampiran 48)	(Hujah-hujah Peguam-cara Responden perenggan 1.5)
Sewa	RM700.00	RM700.00
Pembantu	RM400.00	RM250.00
Utiliti	RM120.50	RM 66.00
Telefon	RM101.10	RM 70.00
Pengangkutan dan Wang saku anak-anak	RM130.00	RM130.00
Tuisyen	RM400.00	RM200.00
Barang runcit	RM300.00	RM300.00
Pasar basah	RM350.00	RM350.00
Petrol	RM160.00	
Letak kereta	RM 50.00	
Insuran	RM130.00	
Makan luar	RM100.00	RM100.00
Penyelenggaraan kereta	RM176.00	
Kad kredit	RM 800.00	RM 200.00
	RM3,917.60	RM2,366.00
	=========	=========

Oleh hal yang demikian perbezaan di antara kedua-dua anggaran adalah hanya RM1,551.60. Dalam kes ini responden telah gagal untuk membekalkan pemberitahuan yang penuh dan terus terang mengenai pendapatannya. Oleh itu mahkamah ini adalah berhak untuk membuat suatu kesimpulan bertentangan daripada kegagalannya untuk berbuat demikian. Dalam kes *Shirley Koo lwn. Kenneth Mok Kong Chua* [1989] 2 MLJ 264 telah dikatakan bahawa:

> What was paid by (the Respondent husband) to his family in the form of an allowance was not really very substantial or generous having regard to what he earned. One could therefore infer – and this, in my view, is a fair and reasonable inference – that over the years he must have accumulated considerable amounts of funds, some of which must have been invested. He, however, had made no disclosure of the investments and his income therefrom.

(Sila lihat juga s. 92 dan 93, Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976)

Dengan itu, adalah munasabah untuk saya membuat satu kesimpulan, dan keterangan di hadapan saya, (iaitu eks. "RM5" dan "RM8" – Kandungan (46) dan Kandungan (50)) bahawa pendapatan responden sekurang-kurangnya adalah dalam lingkungan RM5,000, bersama dengan suatu pendapatan sewa sebanyak RM1,200 menjadikannya RM6,200 sebulan. Jika ditolak perbelanjaannya untuk seorang sebanyak RM2,740, masih ada baki sebanyak RM3,460 dan jika jumlah perbezaan dua anggaran perbelanjaan mereka sebanyak RM1,551.60 ditolak seterusnya, responden masih ada baki sebanyak RM1,608.40 untuk dirinya sendiri.

Dalam kes *Rose Kuok Kok Hiang lwn. David Kuok Khoon Hin* [1986] 2 CLJ 316; [1986] CLJ (Rep) 663 ia telah dikatakan bahawa mahkamah mempunyai suatu "unfettered discretion to award what sum it considers just".

Mengenai tunggakan nafkah sebanyak RM1,500 sebulan, saya telah membenarkannya memandangkan responden hanya membayar RM500 sahaja sebagai nafkah kedua-dua anak yang sedang sakit, sejak bulan Mei 1994 dan pempetisyen telah dengan seorang diri dan pendapatan sendiri membesarkan dan menjaga kedua-dua anak dengan baik. Maka adalah wajar responden sekarang membayar tunggakan tersebut untuk anak-anak supaya satu kumpulan wang boleh dibina untuk masa depan mereka.

Beralih kita sekarang kepada tuntutan pempetisyen keatas aset-aset suami isteri. Berdasarkan kepada fakta-fakta kes kita sekarang responden telah mengakui bahawa ada akaun bersama dan mengakui bahawa keseluruhan pendapatan pempetisyen, walaupun kecil, telah dimasukkan ke dalam akaun bersama di mana pembayaran terhadap pembelian rumah kediaman suami-isteri (perenggan 21 – Lampiran 25 dan perenggan 20 – Lampiran 50). Sebenarnya responden telah menyatakan bahawa apabila beliau menutup akaun, terdapat RM4,000 di dalam akaun tersebut. Dengan itu, saya berpuashati pempetisyen telah membuat sumbangan langsung kepada pembelian rumah kediaman suami-isteri. Lagipun responden juga telah mengakui dalam afidavitnya bahawa pempetisyen telah membuat sumbangan tidak langsung kepada pembelian hartanah tersebut melalui sumbangan terhadap kebajikan keluarga. Pada pendapat saya

sumbangan pempetisyen terhadap kebajikan keluarga sebagai isteri dan ibu adalah besar, memandangkan sumbangan tersebut adalah sepanjang kira-kira sepuluh (10) tahun dalam tempoh perkahwinan mereka.

Responden juga menerima keseluruhan pendapatan sewa berjumlah RM60,400 untuk kegunaan beliau sendiri tanpa membahagikan jumlah tersebut kepada pempetisyen walaupun beliau berhak secara benefisial kepada sebahagian wang sewa memandangkan ianya adalah rumah kediaman suami-isteri. Responden telah tinggal di rumah tersebut sementara pempetisyen dan anak-anak terpaksa tinggal di kediaman bersewa.

Dari fakta-fakta tersebut di atas saya berpuashati bahawa rumah kediaman suami-isteri tersebut adalah aset yang diperolehi melalui usaha bersama pihak-pihak di dalam kes ini di mana s. 76(1) Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan & Perceraian) 1976 boleh digunakan. Seksyen 76(1) Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan & Perceraian) 1976 menyatakan bahawa mahkamah ada hak untuk memerintah pembahagian di antara pihak-pihak ke atas sebarang aset-aset yang diperolehi mereka sepanjang perkahwinan melalui usaha bersama.

Oleh hal yang demikian saya telah mengarahkan rumah dijual dan keuntungannya dibahagikan sama rata antara kedua-dua pihak.

Dalam kes *Ching Seng Woah lwn. Lim Shook Lin* [1997] 1 CLJ 375 dan *Leow Kooi Wah lwn. Philip Ng Kok Seng & Anor* [1997] 3 MLJ 133, Mahkamah Rayuan telah mengenali wang KWSP sebagai aset suami-isteri. Dengan mengikuti keputusan Mahkamah Rayuan tersebut saya telah membuat perintah iaitu untuk kebajikan kedua anak di masa hadapan, supaya setengah jumlah wang KWSP responden sehingga hari perintah dibuat, diberi kepada kedua-dua anak, sekiranya responden meninggal dunia sebelum mencapai umur 55 tahun.

Akhir sekali saya telah memerintahkan kos dalam petisyen dan permohonan dalam Kandungan (43) ditanggung oleh responden memandangkan pempetisyen terpaksa memfailkan prosiding untuk menuntut relif sampingan.

Dalam kes *Mohan Singh v. Malkiyat Kaur* [1978] 2 MLJ 181 dengan jelasnya dinyatakan bahawa isteri tidak patut diperintahkan membayar kos walaupun beliau tidak menang. Di sini, pempetisyen menang dalam memperolehi perceraian yang diminta dan juga terpaksa datang ke mahkamah untuk mendapatkan relif-relif berhubung dengan isu-isu sampingan mengenai jagaan, nafkah dan pembahagian harta. Lagipun responden berada di dalam kedudukan kewangan yang lebih baik dari pempetisyen dan dengan itu patut membayar semua kos.